

# 1

## POLARISASI DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM: CABARAN HUBUNGAN ETNIK

*Siti Norayu Mohd Basir dan Junainor Hassan*

### PENDAHULUAN

---

Sebelum kedatangan British, sistem pendidikan di Tanah Melayu masih belum lagi berkembang secara sistematik. Pendidikan masyarakat pada zaman tersebut hanya tertumpu kepada pendidikan istana, pendidikan agama melalui sekolah pondok dan juga pendidikan tidak formal. Bagi pendidikan istana, mereka yang berketurunan diraja diajar mengaji oleh guru-guru Al-Quran. Pendidikan sekolah pondok adalah antara pendidikan yang paling berkembang pada zaman sebelum kedatangan British. Sekolah-sekolah pondok ini banyak tertumpu di negeri-negeri yang bersempadanan dengan Pattani seperti Kelantan dan Terengganu.

Penghijrahan masuk tokoh-tokoh agama dari Pattani dan Timur Tengah telah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Melayu Islam pada ketika itu. Sistem pengajaran di sekolah pondok lebih tertumpu kepada ajaran Al-Quran dan ilmu-ilmu asas seperti Syariah, Tajwid, Tauhid, Sirah Nabi, Tafsir Hadis, Fiqah, Usul Tafsir, Ulum Hadis, Usul Fiqh dan lain-lain. Namun begitu, sekolah pondok bukan hanya berorientasikan ilmu akhirat sahaja tetapi juga menyelitkan ilmu-ilmu asas kehidupan seperti ilmu hisab dan ilmu kaji bumi. Pendidikan tidak formal adalah pendidikan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Antaranya adalah anak-anak dididik dengan ilmu untuk bertani serta menangkap ikan bagi meneruskan kehidupan mereka.

Dasar 'Pecah dan Perintah' yang diamalkan oleh pemerintahan British sewaktu menakluk Tanah Melayu bukan sahaja memberi impak kepada ekonomi dan susun atur tempat tinggal masyarakat Tanah Melayu, bahkan memberi kesan kepada pendidikan yang ada pada ketika itu. Selain mengekalkan sekolah pondok, British telah memperkenalkan empat buah sekolah vernakular yang mewakili setiap kaum majoriti di Tanah Melayu iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan juga sekolah Inggeris. Sekolah-sekolah vernakular ini menggunakan bahasa ibunda setiap kaum dan proses pengajaran dan pembelajarannya di mana sikap kedaerahan yang diwarisi setiap kaum ini sangat kuat (Ku Hasnan Ku Halim, 2011).

Kewujudan sekolah vernakular telah menyebabkan masyarakat Melayu, Cina, dan India dipisahkan mengikut sistem persekolahan dan menyebabkan hubungan mereka semakin renggang. Sekolah vernakular Melayu, Cina, dan India mempunyai kepentingan tersendiri, terutama untuk kaum tertentu, iaitu sekolah Melayu untuk kepentingan orang Melayu, sekolah Cina untuk kepentingan orang Cina, dan sekolah Tamil untuk kepentingan orang India (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011).

Hakikatnya, perbezaan dan jurang keakraban antara etnik semakin membesar dan parah apabila tiada keseragaman di dalam sistem pendidikan. Sekolah-sekolah ini membawa bersama fahaman dan kepentingan yang berbeza-beza sedang mereka merupakan penduduk Tanah Melayu di bawah satu bendera. Hasilnya, perpaduan tidak dicapai, malah semangat kedaerahan semakin terserlah.

Selepas merdeka, penambahbaikan sistem pendidikan dilihat sebagai salah satu cara dalam usaha memupuk semangat cintakan Negara serta semangat nasionalisme. Antara lain, jurang pendidikan antara etnik didekatkan dengan usaha merombak kurikulum serta pendemokrasian pendidikan secara menyeluruh. Pendemokrasian pendidikan dijalankan dalam usaha memastikan sekolah-sekolah yang pelbagai ini mendapat manfaat dan faedah yang sama. Tanggungjawab negara yang paling mendasar ialah memberikan pendidikan daripada peringkat paling